

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN MELAKA**

**RANCANGAN PERNIAGAAN  
GRAFIKA DESIGN  
( PEMBUATAN BANNER, BUNTING DAN BACKDROP )**

**DISEDIAKAN UNTUK :  
TUAN HAJI NASIR NORDIN  
PENSYARAH ASAS KEUSAHAWANAN  
( ETR 300 )**

**DISEDIAKAN OLEH :**

**ABD.RAZAK ABD. RAHMAN  
( 96596339 )**

**COMEIL PUTERI IBRAHIM  
( 96121326 )**

**SH. MARIAM BT SY. HUSSIN  
( 96145167 )**

**NOOR HAYATI ITAM GANTI  
( 96886152 )**

**MAZIAH MOKHTAR  
( 96899744 )**

**KURSUS SENI LUKIS DAN SENI REKA 06**



# INSTITUT TEKNOLOGI MARA

## CAWANGAN MELAKA

MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Tarikh: 13hb. Julai 1999  
Surat Tuan:  
Surat Kami: 100-CM(AKA 37/B)

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka  
Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771  
Telefax: 06-563963  
06-5591067

### KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar Kursus Sarjana Muda Seni Lukis dan Seni Reka. di Institut Teknologi MARA, Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran ETR 300 Asas Keusahawanan


Bil.	Nama Pelajar	No. ITM
1.	Abd. Razak Abd. Rahman	96596339
2.	Comeil Puteri Ibrahim	96121326
3.	Sharifah Mariam Saiyed Hussin	96145167
4.	Noor Hayati Itam Ganti	96886152
5.	Maziah Mokhtar	96899744

Sukacita saya sekiranya dapat tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik dan tidak akan disebarikan kepada umum.

Kerjasama tuan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

  
**SHAHRUL AZMAN SHAHBUDIN**  
Ketua Kursus  
Seni Reka Grafik  
ITM Melaka.  
b/p Provos

# **ISI KANDUNGAN**

## **PENDAHULUAN**

## **PENGHARGAAN**

## **SURAT PENYERAHAN RP**

### **1.0 PENGENALAN**

- Pelan Lokasi

### **2.0 TUJUAN**

### **3.0 LATAR BELAKANG PERNIAGAAN**

#### **3.1 Surat Perjanjian Perkongsian**

### **4.0 LOGO SYARIKAT**

### **5.0 LATAR BELAKANG RAKAN KONGSI**

### **6.0 RANCANGAN PENTADBIRAN**

#### **6.1 Matlamat Organisasi**

#### **6.2 Strategi-strategi Organisasi**

#### **6.3 Piagam Pelanggan**

#### **6.4 Struktur Organisasi**

- Jadual Tenaga Kerja
- Carta Organisasi
- Huraian Tugas
- Imbuhan Balas Jasa
- Perbelanjaan Pentadbiran
- Perbelanjaan Permulaan
- Bangunan pentadbiran

## 1.0) PENGENALAN

Dalam persediaan menuju ke alaf baru di samping dengan pertumbuhan ekonomi yang produktif, bidang perniagaan telah mengalami perubahan yang drastik yang mana kini semakin ramai golongan Bumiputera yang semakin berani menceburi bidang ini selari dengan inspirasi kerajaan yang inginkan penyertaan Bumiputra terlibat secara langsung di dalam program **Industri Kecil dan Sederhana (IKS)** yang melibatkan bidang teknologi tinggi.

Setelah mengkaji dan membuat penyelidikan kami telah sebulat suara dan bersetuju untuk menubuhkan sebuah syarikat **Grafika Design** iaitu membuat kain rentang (**banner**), kain menegak (**bunting**) dan membuat **backdrop**. Selain membuat dan memasang backdrop kami juga menyediakan perkhidmatan pemasangan 'banner' dan 'bunting' secara percuma di dalam kawasan sekitar Bandar Melaka sebagai salah satu strategi perniagaan kami.

Kami memilih bidang perniagaan ini adalah untuk mewujudkan persaingan yang sihat kerana perniagaan seperti ini dimonopoli oleh kaum bukan bumiputera. Kami juga yakin persaingan seperti ini menjadikan perniagaan ini mempunyai prospek yang luas dan mempunyai potensi cerah untuk dimajukan lebih-lebih lagi hanya segelintir sahaja golongan Bumiputera yang berani menceburi bidang ini .

Kami merancang untuk memulakan operasi perniagaan pada Januari 2001. Perniagaan ini dijalankan secara perkongsian yang terdiri daripada lima orang ahli rakan kongsi berdasarkan modal yang telah dipersetujui. Kami telah menetapkan modal keseluruhan sebanyak **RM 80 000** dimana RM 30 ribu melalui **pinjaman** manakala RM 50 ribu lagi melalui **perkongsian** sama rata di antara rakan kongsi.

Kami juga telah memilih lokasi yang sesuai untuk premis perniagaan kami iaitu seperti di alamat berikut ;

**Grafika Design,  
No. 22 Jalan Munsyi Abdullah,  
Taman bunga Raya,  
78300 Melaka.**

Premis perniagaan kami ini terletak di bandar Melaka iaitu di **Jalan Munsyi Abdullah, Taman Bunga Raya**. Lokasi ini dipilih kerana kedudukan fizikalnya yang strategik, harga sewa yang berpatutan, keluasan ruang kedai iaitu dua tingkat, berdekatan dengan hotel dan kawasan peranginan, kemudahan infrastruktur yang baik, tiada pesaing di kawasan berhampiran di samping berdekatan dengan pembekal bahan mentah.

Berbekalkan modal yang disumbangkan, sokongan dan pengalaman serta kemahiran rakan kongsi, kami pasti perniagaan kami ini akan berdaya maju dan berkembang pesat setanding dengan pesaing yang sedia ada di samping hasrat kami untuk memecahkan monopoli kaum bukan Bumiputera yang sekian lama mendominasi bidang ini.